

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang 1988/89

Jun 1989

**EBU 202/2 Pengurusan Perindustrian**

Masa : [2 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT (4) soalan, DUA (2) soalan dari setiap bahagian A dan B.
3. Jawapan untuk setiap soalan MESTILAH dimulakan pada muka surat yang berasingan.
4. Semua jawapan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.
5. Kertas soalan ini mengandungi ENAM soalan.

Bahagian A

1. a) Bincangkan sumbangan dan kekurangan Pengurusan Saintifik.  
b) Bincangkan sumbangan dan kekurangan Teori Organisasi Klasik yang dicadangkan oleh Fayol.  
c) Bezakan di antara pendekatan Hubungan Manusia dan pendekatan Sains Kelakuan.  
d) Menurut pendekatan kontingensi, apakah tugas pengurusan?
  
2. a) Bagaimanakah sepatutnya pengurus menghadapi persekitaran luar yang berbentuk tindakan terus?  
b) Bincangkan empat faktor yang menghalang organisasi perniagaan dari melakukan tanggungjawab sosial.  
c) Bincangkan tiga faktor yang menghalang pendedahan kelakuan tak beretika di dalam organisasi.
  
3. Jawab sama ada (a) atau (b)
  - a) i) Bincangkan empat langkah asas di dalam membuat perancangan.  
ii) Beri lima sebab mengapa perancangan di perlukan.  
iii) Bagaimanakah halangan kepada perancangan dapat diatasi.  
iv) Apakah yang dimaksudkan dengan perancangan yang baik?

- b)
  - i) Bincangkan langkah-langkah menyusunatur sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Ernest Dale.
  - ii) Bincangkan empat faktor yang menentukan struktur organisasi.
  - iii) Nyatakan kelebihan dan kekurangan struktur organisasi fungsi.
  - iv) Bincangkan perkara-perkara yang harus difikirkan untuk memastikan proses delegasi yang baik dapat dijalankan.

4. SAMA ADA

- a)
  - i) Kajian awal terhadap kepemimpinan adalah ke arah mengenalpasti sifat-sifat pemimpin. Nyatakan mengenainya dan terangkan mengapa ianya ditolak.
  - ii) Halkan mengenai corak dan keberkesanan kepemimpinan dengan berpandukan kepada rajah kontinum.

ATAU

- b)
  - i) Nyatakan langkah-langkah yang perlu bagi suatu proses pengawalan dan senaraikan jenis-jenis kawalan.
  - ii) Halkan mengenai ciri-ciri bagi suatu sistem kawalan yang berkesan.

5. SAMA ADA

- a)
  - i) Nyatakan tugas-tugas yang perlu dibuat oleh pegawai pembelian bagi sebuah syarikat bila bahan yang dikehendaki telah dibekalkan oleh pembekal.
  - ii) Berikan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan polisi pemasaran dan halkan mengenai perkara-perkara yang perlu diberi perhatian khas dalam membuat penyelesaian terhadap polisi tersebut.

ATAU

- b) i) Berikan perbandingan di antara bangunan kilang setingkat dengan kilang bertingkat-tingkat dalam memilih reka bentuk kilang.
- ii) Nyatakan fungsi-fungsi Jabatan Penyelenggaraan di dalam sesebuah industri pengeluaran dan halkan mengenai langkah-langkah penyelenggaraan yang perlu dibuat dalam memastikan keteguhan peralatan.

6. SAMA ADA

- a) i) Gariskan dasar-dasar pengurusan personel di dalam sesebuah organisasi.
- ii) Berikan pandangan anda terhadap peranan masa depan pengurusan personel di dalam sesebuah organisasi dan halkan mengenai cabaran-cabaran yang harus dihadapi oleh seseorang pengurus personel.

ATAU

- b) Dengan bantuan gambarajah yang sesuai, nyatakan perbezaan di antara perakaunan kos dan perakaunan, kewangan dan halkan mengenai tujuan-tujuan perakaunan di dalam industri.

ooo0ooo